

## **ABSTRACT**

This dissertation presents a research on the mastery of pronouns in Spanish as a foreign language among Malay students at university level. This dissertation also presents survey data on attitudes, motivation, problems encountered and strategies adopted by those students in learning the Spanish language.

Eleven students were chosen as sample. All are Malay students from University of Malaya's Language and Linguistics bachelor program majoring in Spanish language. All students were in their **final** year who having learned Spanish for three years;

The sample was required to answer test questions on pronouns in the Spanish language in September 2003. After the test, the sample were given a survey questionnaire.

Test answers in sentence and phrase forms have been **scrutinised** by the researcher, It was found that the frequency of **errors** are based on **5** matching type errors, 3 gasition type errors, 3 omitting type errors, 3 **affix** type errors, and order errors, The questionnaires were scored using a survey **score**.

The major research from this study are:

- a. Malay students at university have not mastered the use of pronouns in the Spanish language despite having learned the language in a formal setting for three years.
  
- b. Malay students attitudes towards Spanish language and its speakers are positive. They are quite highly motivated to learn the language, do *not* face problems in learning the language, and have used stable strategies in learning the language. Nevertheless, they are not able to master the aspects of pronouns well. Consequently, consideration on the parts of the Spanish language instructors at university level is needed,

## ABSTRAK

Disertasi ini mengemukakan satu kajian tentang penguasaan kata ganti nama diri bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di kalangan pelajar Melayu peringkat universiti. Disertasi ini juga mengemukakan data mengenai sikap, motivasi, masalah dan strategi pembelajaran bahasa Sepanyol oleh pelajar Melayu di peringkat tersebut, melalui soal selidik.

Seramai 11 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel. Kesemua 11 orang pelajar tersebut adalah pelajar-pelajar Melayu jurusan bahasa Sepanyol yang sedang mengikuti program Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik di Universiti Malaya. Kesemua mereka adalah pelajar-pelajar tahun akhir yang telah mempelajari bahasa Sepanyol selama 3 tahun.

Semua pelajar yang manjadi sampel diminta menjawab soalan ujian berkenaan kata ganti nama diri bahasa Sepanyol. Ujian telah dijalankan pada bulan September 2003. Selepas ujian ini, semua sampel diberikan kertas soal selidik.

Jawapan ujian dalam bentuk ayat dan frasa telah diteliti oleh penyelidik dan dengan itu telah didapati kekerapan kesalahan kata ganti nama diri yang berdasarkan 5 jenis kesalahan padanan, 3 jenis kesalahan posisi, 3 jenis kesalahan pengguguran, 3 jenis kesalahan penambahan, dan

kesalahan susunan. Soal selidik pula telah diskorkan dan dikcnal dengan skor soal selidik.

Pada keseluruhannya hasil kajian telah menunjukkan bahawa:

- a. Pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaya belum mahir menggunakan kata ganti nama diri dalam bahasa Sepanyol meskipun telah mempelajari bahasa Sepanyol secara formal selama 3 tahun.
- b. Meski pun sikap pelajar Melayu terhadap bahasa Sepanyol adalah positif dan tidak pula bersikap negatif terhadap penutur bahasa Sepanyol, mempunyai motivasi yang boleh dikatakan kuat untuk mempelajari bahasa Sepanyol, tidak menghadapi banyak masalah dalam mempelajari bahasa Sepanyol dan mereka juga telah menggunakan strategi yang mantap untuk belajar bahasa Sepanyol, tetapi mereka masih tidak dapat menguasai aspek kata ganti nama diri dengan baik. Oleh itu satu pertimbangan yang teliti diperlukan khasnya oleh pengajar bahasa Sepanyol di peringkat universiti.